



MENTERI KANAN KERJA RAYA  
MALAYSIA  
**KENYATAAN MEDIA**

**Untuk Siaran Segera**

**BELANJAWAN 2022 - “MENYANTUNI KELUARGA MALAYSIA,  
FOKUS KE ARAH PEMULIHAN”**

**KUALA LUMPUR** - Belanjawan 2022 yang bertemakan “Keluarga Malaysia, Makmur Sejahtera” bersifat inklusif dan prihatin rakyat, dengan menyantuni seluruh lapisan keluarga Malaysia dan memfokuskan secara terperinci kepada strategi pemulihan demi kesejahteraan rakyat.

Bajet kali ini mendokong tiga paksi utama; melindungi dan memulih kehidupan, membina semula daya ketahanan negara dan memangkin pembaharuan.

Menerusi Belanjawan 2022 secara keseluruhan, Kementerian Kerja Raya (KKR) menerima RM7.306 bilion peruntukan bagi tahun 2022. Jumlah bajet mengurus KKR yang diluluskan adalah sebanyak RM823 juta berbanding RM1.26 bilion yang diterima untuk tahun 2021. Manakala Bajet Pembangunan Tahun 2022 yang diluluskan meningkat sebanyak RM6.483 bilion berbanding RM6.088 bilion pada tahun 2021.

Bagi memastikan usaha merangsang pemulihan ekonomi, Kerajaan akan meneruskan projek pembangunan infrastruktur negara berimpak tinggi bernilai RM3.5 bilion antaranya melibatkan pembinaan Lebuhraya Pan Borneo dan Jalan Central Spine. Bagi merencanakan lagi aktiviti pembangunan infrastruktur, Kerajaan memperuntukkan dana permulaan sebanyak RM200 juta menerusi perwujudan Dana Mudah Cara Infrastruktur Ketiga. Selain itu RM30 juta juga diperuntukkan untuk menaik taraf infrastruktur bangunan Kerajaan supaya mesra OKU.

Kerajaan juga akan terus melaksanakan projek-projek kecil dan sederhana bernilai RM2.9 bilion yang dikhususkan kepada kontraktor kelas G1 ke G4 di seluruh negara. Peruntukan ini antaranya melibatkan projek selenggara jalan, baik pulih infrastruktur dan peralatan usang universiti awam, politeknik dan kolej komuniti serta projek-projek lain melibatkan ameniti sosial di luar bandar.

Persediaan dalam menghadapi fasa endemik sektor pembinaan juga turut menjadi perhatian utama Belanjawan. Bagi memastikan kelangsungan sektor pembinaan agar terus menjadi antara penyumbang utama ekonomi negara, beberapa inisiatif telah disediakan iaitu:

**Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia**

[www.kkr.gov.my](http://www.kkr.gov.my) [pro@kkr.gov.my](mailto:pro@kkr.gov.my) [KEMENTERIAN KERJA RAYA](https://www.facebook.com/kementerian.kerja.raya) [KKR\\_MALAYSIA](https://www.instagram.com/kkr_malaysia) [@IMOWORKS](https://www.linkedin.com/company/kkr-works) [KEMENTERIAN KERJA RAYA OFFICIAL](https://www.youtube.com/channel/UCkEMENTERIAN_KERJA_RAYA_OFFICIAL)

Tel : 03 8000 8000 / D.L : 03 2771 4616 / 4627 | Faks : : 03 2711 1101

Jalan Sultan Salahuddin,  
50580 Kuala Lumpur



MENTERI KANAN KERJA RAYA  
MALAYSIA  
**KENYATAAN MEDIA**

- a) Projek-projek berskala kecil khusus untuk penyertaan Bumiputera sebanyak RM200 juta.
- b) Accelerator programme menerusi CIDB kepada kontraktor belia G1-G4 melalui kursus peningkatan kapasiti dan on-job training dengan peruntukan sebanyak RM10 juta.
- c) Program memperkasa pendidikan termasuk bidang teknikal dan vokasional (TVET) bagi memenuhi keperluan industri dengan peruntukan RM6.6 bilion.

Belanjawan 2022 juga menyaksikan peruntukan bagi hampir semua negeri mencatatkan peningkatan di mana Sabah dan Sarawak antara negeri yang menerima peruntukan yang tertinggi. Sabah dan Sarawak akan menerima peruntukan perbelanjaan pembangunan masing-masing berjumlah RM5.2 bilion dan RM4.6 bilion. Peruntukan ini antaranya adalah untuk melaksanakan projek infrastruktur air, elektrik, jalan raya, kemudahan pendidikan dan kesihatan. Selain itu, 20 lagi bank bergerak dijangka beroperasi di 250 kawasan dan mukim di Sabah dan Sarawak.

Kerajaan akan terus menambahbaik aspek kesejahteraan penduduk luar bandar dalam usaha mengurangkan jurang pembangunan antara wilayah. Sebanyak RM2.5 bilion disalurkan bagi melaksanakan pelbagai program dan projek penambahbaikan infrastruktur luar bandar meliputi projek jalan, bekalan air, elektrik, program bantuan rumah serta pemasangan dan penyelenggaraan lampu jalan.

Selain itu, Belanjawan 2022 juga menyaksikan komitmen kerajaan dalam meneruskan pelaksanaan projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah dan Sarawak. Selain itu tumpuan turut diberikan kepada kerja menaik taraf bangunan serta infrastruktur di 112 buah sekolah daif di Sabah dan 165 buah sekolah di Sarawak dengan peruntukan sebanyak RM746 juta.

Kementerian Kerja Raya menyambut baik pengumuman Belanjawan 2022 yang pastinya mampu meningkatkan kesejahteraan rakyat, Keluarga Malaysia.

**Dato' Sri Fadillah Yusof**  
**Menteri Kanan Kerja Raya**  
**29 Oktober 2021**

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

WWW.KKR.GOV.MY PRO@KKR.GOV.MY KEMENTERIAN KERJA RAYA KKR\_MALAYSIA @MOWORKS KEMENTERIAN KERJA RAYA OFFICIAL

Tel : 03 8000 8000 / D.L : 03 2771 4616 / 4627 | Faks : : 03 2711 1101

Jalan Sultan Salahuddin,  
50580 Kuala Lumpur